

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

Kosa Kata Aros R

- 1 I Haura membelek-belek *bekas* kudis pada pada kakinya.
II Puan Natasha mengundang *bekas* suaminya ke majlis hari jadi anak tunggal mereka.
III Balan berasa *bekas* apabila melihat pengemis itu.
IV Segala nasihat Cikgu Muzaffar *bekas* dalam hati saya.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
- 2 I Eisyia membawa bungkusan yang *ringan* itu masuk ke dalam rumahnya.
II Majalah itu memuatkan cerpen-cerpen yang bersifat *ringan*.
III Isu kesihatan mental tidak boleh dipandang *ringan*.
IV Saif bekerja keras untuk *ringan* beban ibu dan ayahnya.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
- 3 I Karnival permainan tradisional itu *berjalan* dengan lancarnya.
II Murid-murid *berjalan* ke tapak perhimpunan.
III Rahimi tidur secukupnya kerana esok dia hendak *berjalan* jauh.
IV Emilia menggunakan laluan *berjalan* kaki yang disediakan di kawasan itu.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
- 4 I Baju lamanya yang sudah tidak *kuat* itu akan diberikan oleh Laila kepada adiknya.
II Dalam suasana yang riuh-rendah di pasar borong itu, Puan Maria terpaksa *kuat* suaranya.
III Walaupun Pak Hassan sudah tua, tenaganya masih *kuat*.
IV Penduduk Kampung Sungai Serai masih *kuat* berpegang pada adat lama.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
- 5 I *Hantaran* yang dimuat naik oleh Chan Wei di media sosial mendapat 100 tanda suka.
II Pengantin perempuan itu menerima wang *hantaran* sebanyak RM10 000.
III Hud menjaringkan gol selepas menerima *hantaran* daripada rakan sepasukannya.
IV Peniaga kerepek itu membuat khidmat *hantaran* ke seluruh negeri Selangor.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
- 6 I Pelakon itu mahu *melabuhkan* sayapnya ke negara seberang.
II Yani *melabuhkan* punggungnya di atas katil sebaik-baik sahaja masuk ke bilik tidurnya.
III Kelasi kapal itu *melabuhkan* sauh apabila mereka tiba di pulau itu.
IV Junaidah ke kedai jahit kerana dia mahu *melabuhkan* kainnya yang singkat itu.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja